

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(83)  
Tarikh : 20 April 2023

## KENYATAAN MEDIA OLEH YB YEOH SOON HIN, EXCO PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF (PETACE) NEGERI PULAU PINANG

### PROGRAM PERINTIS PERKHIDMATAN ULANG ALIK PERCUMA BUKIT BENDERA

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dengan kerjasama Rapid Penang serta sokongan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang melancarkan program perintis bagi **Perkhidmatan Ulang Alik Percuma Bukit Bendera**. Matlamat program ini adalah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan sekitar dan menggalakkan inisiatif hijau untuk mengurangkan pelepasan karbon di kawasan Air Itam.

Program perintis ini akan membantu PBBPP menilai respon pengunjung terhadap kebolehlaksanaan dan potensi kejayaan inisiatif ini. Sekiranya program perintis ini berjaya, PBBPP akan mempertimbangkan bagi meningkatkan kekerapan perkhidmatan ulang alik percuma, melanjutkan tempoh, atau kedua-duanya.

Perkhidmatan Ulang Alik Percuma Bukit Bendera merupakan mod pengangkutan tambahan untuk jangkakan **7000 hingga 8000 pengunjung** setiap hari untuk ke Bukit Bendera pada Hari Raya Aidilfitri, yang akan disambut pada hujung minggu ini. Perkhidmatan ini bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas yang disebabkan oleh tempat letak kereta yang terhad (**kurang dari 500**) di Bukit Bendera dan kenderaan yang diletakkan tepi jalan.

Ia juga bertujuan untuk menambah baik pengalaman pengunjung secara keseluruhan dengan mengurangkan masa perjalanan serta memastikan perjalanan yang lancar untuk pengunjung menikmati keindahan Bukit Bendera tanpa rasa tekanan mencari jalan dan tempat letak kereta.

Perkhidmatan ulang-alik percuma akan **beroperasi dari 22 hingga 24 April 2023, bermula pada pukul 9.00** pagi sehingga pukul 9.00 malam dengan kerap lapan perjalanan setiap hari bagi kedua-dua arah pada setiap 1 jam dan 30 minit. Perkhidmatan ulang-alik disediakan dari **Terminal Bas KOMTAR (Stesen 9) ke Stesen Bawah Bukit Bendera** dan sebaliknya.

Penumpang dapat mengenal pasti bas yang dibalut sempena **Sambutan Ulang Tahun ke-100 Funikular Bukit Bendera** dengan mudah dan melalui papan tanda **Perkhidmatan Ulang Alik Percuma Bukit Bendera** menjadikannya mudah untuk dikenali dan dinaiki. Bas tersebut juga adalah mesra-kerusi roda. Jadual waktu untuk perkhidmatan ulang-alik tersedia di laman sesawang dan platform media sosial rasmi PBBPP.

Sekiranya bas ulang alik mencapai kapasiti maksimum, pengunjung digalakkan untuk menaiki **bas Rapid sedia ada bernombor 204** pada kadar biasa ke Bukit Bendera.

“Perkhidmatan ulang alik percuma yang ditaja oleh PBBPP akan disediakan selama tiga hari. Sekiranya respon amat positif dan menggalakkan, PBBPP akan mempertimbangkan untuk meneruskan inisiatif ini serta untuk perayaan-perayaan lain. Inisiatif ini mencerminkan komitmen PBBPP dan Rapid Penang untuk meningkatkan kebolehcapaian dan kemampunan infrastruktur pengangkutan negeri.” kata Yeoh.

“Bagi suku pertama 2023, Bukit Bendera menerima hampir **400,000 pengunjung dan 25% pengunjung adalah dari negara jiran**. Pengunjung dari Indonesia, Singapore dan Thailand merupakan tiga negara teratas yang melawat Bukit Bendera. Trend peningkatan ketibaan pengunjung ini menunjukkan betapa pentingnya menawarkan pilihan pengangkutan yang berkesan dan mampan untuk pengunjung ke Bukit Bendera,” tambah Yeoh.

PBBPP komited untuk bekerjasama dengan rakan niaga untuk mengenal pasti dan melaksanakan penyelesaian yang mampan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di sekitar kawasan Stesen Bawah di Air Itam, di samping menyumbang kepada pelancongan yang mampan.

Selaras dengan **Visi Penang2030**, ia menggalakkan orang ramai mempertimbangkan untuk menggunakan pengangkutan awam dengan lebih kerap, terutamanya dalam menyokong usaha global untuk memerangi perubahan iklim.

Pengunjung digalakkan untuk memanfaatkan perkhidmatan ulang-alik percuma ini semasa cuti Hari Raya Aidilfitri dalam usaha membina masa depan yang lebih baik dan mampan serta Pulau Pinang yang lestari.

Selain itu, The Loaf dan KOTA Dine & Coffee menawarkan baucar diskaun RM5 kepada setiap penumpang yang menaiki bas ulang alik percuma dari 22 - 24 April 2023 ke Bukit Bendera. Jangan lepaskan peluang untuk menikmati hidangan lazat dengan diskaun sambil menikmati keindahan Bukit Bendera.

#TAMAT#

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

### Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[wmlim@penanghill.gov.my](mailto:wmlim@penanghill.gov.my)

Ahmad Aizat Bin Khalid  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[aizat@penanghill.gov.my](mailto:aizat@penanghill.gov.my)

Vivien Loo  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[vivienloo@penanghill.gov.my](mailto:vivienloo@penanghill.gov.my)

Tan Lee Ling  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[ltan@penanghill.gov.my](mailto:ltan@penanghill.gov.my)